

Penyampai : DATIN SERI JEANNE BINTI ABDULLAH
Tajuk : UCAPAN MERAIKAN KONTINJEN PARALIMPIK NEGARA DAN PENYAMPAIAN SKIM
HADIAH KEMENANGAN SUKAN PARA GAMES IV, KORAT, THAILAND
Lokasi : HOTEL SHERATON SUBANG
Tarikh : 12-02-2008

BISMILLAH HIRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YANG BERTHORMAT DATO SERI AZALINA OTHMAN

MENTERI BELIA DAN SUKAN

YANG BERBAHAGIA DATO ZAINAL ABU ZARIN

PEMANGKU PRESIDEN MAJLIS PARALIMPIK MALAYSIA

ENCIK LIEW YOON LOY

CHEF DE MISSION KONTINJEN MALAYSIA KE SUKAN PARA GAMES

DIF-DIF JEMPUTAN

SETERUSNYA PARA ATLET JURULATIH DAN PENGURUS PASUKAN

SERTA ANAK-ANAK YANG DIKASIHI SEKALIAN,

1. TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA SERTA IZIN-NYA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA DI HARI YANG MULIA INI BAGI MERAIKAN KONTINJEN PARALIMPIK NEGARA.

2. SAYA MERASA BEGITU BANGGA MELIHAT SEMANGAT DAN KECERIAAN YANG TERPANCAR DI WAJAH ANAK-ANAK SEKALIAN. HATI SAYA JUGA MELONJAK RIANG DAN KAGUM APABILA DIMAKLUMKAN BAHAWA KONTINJEN PARALIMPIK KALI INI MENDUDUKI TEMPAT KEDUA DI TEMASYA SUKAN PARA GAMES YANG DIADAKAN DI THAILAND BARU-BARU INI.

3. TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA SELURUH KONTINJEN PARALIMPIK KALI INI. ANAK-ANAK SEMUA TELAH MENUNJUKKAN SEMANGAT JUANG YANG BEGITU TINGGI SEHINGGA BERJAYA MENGUMPUL 82 PINGAT EMAS 74 PERAK DAN 46 GANGSA.

TO ME YOU HAVE PROVEN TO MANY THAT YOU HAVE SUCH A STRONG WILLPOWER.

ALTHOUGH YOU CAME IN SECOND IN MY HEART ALL OF YOU ARE CHAMPIONS..

4. SYABAS JUGA DIUCAPKAN KEPADA SEMUA JURULATIH YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS MEMASTIKAN KEJAYAAN PARA ATLET KITA. KEJAYAAN INI TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA KITA SEMUA MAMPU BERSAING APABILA KITA BERUSAHA DENGAN GIGIH.

SAUDARA SAUDARI DAN ANAK-ANAK SEKALIAN

5. SUKAN TELAH MENJADI AGENDA PENTING DALAM ARUS PEMBANGUNAN NEGARA. BIDANG INI TELAH MEMBAWA PENGERTIAN YANG MENDALAM DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA.

6. MELALUI SUKAN KITA BUKAN SAHAJA DAPAT MELAHIRKAN GENERASI YANG SIHAT DAN CERGAS MALAH DAPAT MENGUKUHKAN LAGI PERPADUAN KAUM. ALHAMDULLILAH HARI INI SAHAJA SAYA DAPAT LIHAT BETAPA MESRA DAN UTUHNYA SEMANGAT BERPASUKAN DI KALANGAN ANAK-ANAK SEMUA.

7. SAYA HARAP SEMANGAT INI DAPAT DITERUSKAN DAN DIKUKUHKAN LAGI. NASIHAT SAYA KEPADA SEMUA ATLET NEGARA JANGANLAH CEPAT LUPA DIRI KERANA INGATLAH KEJAYAAN TIDAK DATANG BERGOLEK.

8. KEJAYAAN ANDA TIDAK AKAN DICAPAI TANPA SOKONGAN PELBAGAI PIHAK. OLEH ITU BERTERIMA KASIH LAH KEPADA MEREKA YANG TELAH MEMASTIKAN KEJAYAAN ANDA TERUTAMA KELUARGA DAN JURULATIH ANAK-ANAK.

9. KEPADA SEMUA ATLET USAHLAH JUGA TERLALU FIKIRKAN TENTANG GANJARAN. UNTUK BERJAYA IA PERLU DIIRINGI DENGAN SEMANGAT PATRIOTIK DAN KOMITMEN YANG SEPENUHNYA. DENGAN INI BARULAH KITA MAMPU BERMEGAH DENGAN SLOGAN MALAYSIA BOLEH.

10. NAMUN ANAK-ANAK SEMUA JANGANLAH PULA JADIKAN SUKAN SEBAGAI SATU TEKANAN KERANA ANAK-ANAK PERLU BERSUKAN DALAM SUASANA KECERIAAN SELARI DENGAN KONSEP BERSUKAN ITU SENDIRI.

SAUDARA SAUDARI SEKALIAN,

11. SAYA DAPAT RASAKAN SUKAN PARALIMPIK TELAH BERKEMBANG DENGAN BAIK. MATLAMAT INI TIDAK MUNGKIN TERCAPI TANPA KERJASAMA SEMUA PIHAK TERUTAMA PENGANJUR PENAJA DAN PESERTA SENDIRI. SAYA HARAP SEMUA AGENSI YANG TERLIBAT DAPAT MEMBERI KOMITMEN SEPENUHNYA DALAM MEMAJUKAN LAGI SUKAN PARALIMPIK.

12. KEPADA PIHAK KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN SERTA MAJLIS PARALIMPIK MALAYSIA SAYA UCAPKAN SYABAS DI ATAS USAHA BAKTI ANDA. USAHA ANDA INI TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA MASYARAKAT KITA SEMAKIN PEKE TERHADAP GOLONGAN KURANG UPAYA.

13. PADA KESEMPATAN INI SAYA JUGA INGIN MEMINTA SELURUH RAKYAT MALAYSIA AGAR DAPAT SAMA-SAMA BERGANDING BAHU MEMBANTU GOLONGAN INI. JANGANLAH HANYA ADA RASA KASIHAN TERHADAP GOLONGAN KURANG UPAYA. APA YANG PENTING ADALAH UNTUK KITA BERSIKAP LEBIH PRIHATIN DENGAN KEPERLUAN MEREKA SELARAS DENGAN KONSEP MASYARAKAT PENYAYANG.

14. SAYA YAKIN GOLONGAN KURANG UPAYA BUKAN MEMINTA SIMPATI DARIPADA KITA TETAPI PELUANG YANG SAMA DIBERIKAN KEPADA MEREKA UNTUK BERJAYA DALAM KEHIDUPAN. SAYA JUGA PASTI BAHAWA GOLONGAN INI MEMILIKI KELEBIHAN DAN KEMAHIRAN TERSENDIRI YANG BOLEH TURUT SAMA MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA.

15. UNTUK ITU SAYA INGIN MEMINTA KERJASAMA SEMUA PIHAK TERUTAMA SYARIKAT SWASTA MEMBERI PELUANG KEPADA GOLONGAN KURANG UPAYA MAJU DALAM APA JUA LAPANGAN SAMA ADA BIDANG SUKAN ATAUPUN PEKERJAAN.

SAUDARA SAUDARI DAN ANAK-ANAK SEKALIAN

16. SAYA BERHARAP KEJAYAAN CEMERLANG ANDA HARI INI AKAN MENJADI PENDORONG KEPADA SEMUA ATLET KURANG UPAYA UNTUK MEMPERTINGKATKAN USAHA KE ARAH PENCAPAIAN YANG LEBIH CEMERLANG. DENGAN KOMITMEN SEMANGAT DAN DISPLIN YANG TINGGI TIDAK ADA PERKARA YANG MUSTAHIL UNTUK KITA CAPAI. INSYA ALLAH TUHAN AKAN SENTIASA MEMBERKATI KITA.

17. TO ALL OF YOU WINNERS I HOPE YOU WILL SHARE YOUR EXPERIENCE YOUR DETERMINATION AND YOUR KEY TO SUCCESS WITH OTHER DISABLED PERSONS. I AM SURE YOU CAN INSPIRE THEM. BY TALKING TO THEM I ALSO BELIEVED THAT YOU CAN MAKE A DIFFERENCE TO THEIR LIFE.

18. SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN INI SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA YANG BERHORMAT DATO AZALINA OTHMAN DAN SEMUA YANG TERLIBAT DALAM MEMASTIKAN KEJAYAAN KONTINJEN PARALIMPIK KALI INI.

19. AKHIR KATA SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH DI ATAS KEJAYAAN SEMUA.

20. SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH.

SEKIAN TERIMA KASIH.